Liberalisasi Tarif Motor dan Tarif Kebakaran

Bank Negara Malaysia (Bank) akan meliberalisasi Tarif Motor dan Tarif Kebakaran secara beransur-ansur dengan permulaan fasa pertama pada tahun 2016. Dalam persekitaran baharu ini, industri insurans dan takaful akan mempunyai fleksibiliti untuk menawarkan produk motor dan kebakaran yang mempunyai ciri baharu atau skop perlindungan yang dibezakan, pada harga yang berasaskan pasaran. Fleksibiliti ini dijangka memacu inovasi produk manakala penggunaan penentuan harga berdasarkan risiko akan menggalakkan amalan pengurusan risiko yang baik dalam kalangan pengguna. Persaingan sihat yang terhasil akan turut memberikan manfaat kepada pengguna yang akan mendapat akses kepada pelbagai jenis produk motor dan kebakaran, di samping kualiti perkhidmatan yang lebih baik yang disediakan oleh pengantara profesional. Untuk memudahkan peralihan secara teratur bagi pemilik risiko dan industri kepada persekitaran operasi yang baharu ini, Bank telah menggariskan hala tuju liberalisasi. Hala tuju ini menetapkan fasa-fasa apabila keperluan tarif sedia ada yang berkaitan dengan ciri produk, had perlindungan dan harga produk akan dimansuhkan secara beransur-ansur. Hala tuju ini juga penting bagi pelaksanaan keperluan kehematan dan amalan pasaran yang diperkukuh, yang perlu bagi memastikan penanggung insurans dan pengendali takaful terus beroperasi dengan cara yang selamat dan teguh serta melayan pengguna dengan adil. Rencana ini menghuraikan tentang pelaksanaan hala tuju dan objektif khusus di sebalik pendekatan liberalisasi secara berperingkat ini.

Liberalisasi Secara Berperingkat untuk Menyokong Peralihan yang Teratur

Hala tuju liberalisasi ini memperuntukkan pemansuhan keperluan tarif secara berperingkat (Gambar Rajah 1). Pendekatan ini penting bagi membolehkan industri dan pengguna membuat penyesuaian secara beransur-ansur memandangkan produk motor dan kebakaran diperlukan secara meluas oleh pemilik kenderaan dan harta benda, sama ada dikehendaki oleh undang-undang atau untuk melindungi aset di bawah pembiayaan. Motor dan kebakaran juga merupakan dua kelas perniagaan terbesar untuk penanggung insurans am dan pengendali takaful am, yang mencakupi kira-kira 65% daripada purata jumlah premium (termasuk caruman dalam konteks takaful) industri sejak lima tahun lalu.

Pada tahun pertama pelaksanaan, industri akan dibenarkan untuk menawarkan produk baharu atau tambahan kepada skop perlindungan produk yang sedia ada di bawah tarif. Harga produk baharu dan perlindungan tambahan ini akan ditentukan oleh pasaran. Ini akan memberikan peserta industri peluang awal untuk membangunkan dan memperhalusi strategi produk dan penentuan harga serta meningkatkan keupayaan pengedaran dan operasi. Kepelbagaian produk motor dan kebakaran yang dijangka ditawarkan oleh industri juga dapat memberi pilihan tambahan kepada pengguna untuk membeli perlindungan insurans atau takaful yang menepati keperluan mereka secara individu.

Pada tahun kedua pelaksanaan, kadar premium untuk produk Motor Komprehensif dan Motor Pihak Ketiga Kebakaran dan Kecurian (Motor Third Party Fire and Theft, TPFT) akan ditentukan oleh pasaran. Kadar premium semasa barisan produk ini yang dinilai agak hampir dengan tahap teknikal (berdasarkan pengalaman kerugian purata) dapat mengurangkan risiko pelarasan mendadak yang mungkin memberikan kesan tidak seimbang kepada pengguna. Seiring dengan perubahan ini ialah keperluan perlindungan pengguna yang bertambah baik bagi memastikan tadbir urus yang sewajarnya terhadap reka bentuk produk dan penentuan harga serta layanan yang adil kepada pengguna. Penanggung insurans dan pengendali takaful dikehendaki menambah baik prosedur dan keupayaan dalaman yang sedia ada bagi membolehkan penilaian risiko dibuat dengan wajar dan penentuan harga dibuat dengan sesuai dan secara konsisten. Tahap penzahiran juga akan ditingkatkan, khususnya dari segi komponen premium dan skop perlindungan, untuk memudahkan perbandingan dan membolehkan pengguna membuat keputusan pembelian berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Kadar premium produk Motor Pihak Ketiga akan terus dikawal selia dengan pelarasan yang beransur-ansur untuk lebih menggambarkan kerugian yang dialami daripada produk ini. Pada masa ini, beberapa kadar premium yang diterima pakai masih ketara berada di bawah tahap teknikal yang tidak akan berterusan untuk jangka panjang. Berdasarkan kaji selidik terkini, jumlah premium yang dikutip setiap tahun untuk

produk Motor Pihak Ketiga dianggarkan kira-kira RM520 juta, manakala tuntutan dan perbelanjaan yang ditanggung telah meningkat kepada hampir RM680 juta. Ini bermakna bagi setiap ringgit yang diterima untuk premium produk Motor Pihak Ketiga, penanggung insurans dan pengendali takaful membayar purata RM1.30 untuk tuntutan dan kos yang berkaitan, dengan beberapa kelas kenderaan melibatkan jumlah sehingga RM2.90. Memandangkan jurang penentuan harga berbanding dengan risiko adalah agak besar, penyahkawalseliaan kadar premium yang dibuat secara serta-merta mungkin mengakibatkan kenaikan premium yang mendadak dan seterusnya menjejaskan banyak pengguna. Oleh itu, pendekatan yang lebih berhati-hati adalah perlu bagi memberikan masa kepada inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk mengurangkan jurang penentuan harga memberikan kesan, termasuk inisiatif untuk mengawal inflasi kos tuntutan serta menangani ketirisan dan penipuan. Inisiatif ini akan dilengkapi usaha untuk memupuk tabiat pemanduan yang bertanggungjawab dan melaksanakan langkah keselamatan jalan raya. Pendekatan secara berfasa ini juga akan memudahkan pengumpulan data yang berkualiti lebih tinggi pada tahap yang lebih terperinci oleh penanggung insurans dan pengendali takaful untuk menentukan harga berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Gambar Rajah 1

Liberalisasi Kelas Motor dan Kebakaran Secara Berperingkat



Nota:
* Penerangan yang lebih terperinci mengenai jenis insurans motor boleh didapati dalam Panduan Tuntutan Motor di laman sesawang InsuranceInfo, http://www.insuranceinfo.com.my/landing_pages/accident_info/download/guide.pdf.
** Merujuk kepada jenis produk/perlindungan baharu yang tidak ditakrifkan di bawah Tarif Motor dan Tarif Kebakaran atau apa-apa variasi atau lanjutan kepada produk/perlindungan yang ditakrifkan di bawah Tarif Motor dan Tarif Kebakaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia


Liberalisasi kadar premium motor akan diiringi oleh pengurangan kadar premium kebakaran untuk kelas risiko tertentu, sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengimbang semula penentuan harga keseluruhan antara kelas perniagaan ini. Dengan peredaran masa, apabila pengumpulan risiko menjadi lebih terperinci, kadar premium untuk dua kelas ini dijangka lebih konsisten dengan profil risiko yang wujud. Kemajuan liberalisasi akan dikaji semula pada tahun 2019, dan penilaian akan dibuat mengenai kesan langkah-langkah ini terhadap pengguna serta industri.

Matlamat dan Hasil yang Dikehendaki daripada Liberalisasi

Matlamat utama inisiatif liberalisasi adalah untuk mengukuhkan insentif bagi meningkatkan kecekapan dan pengurusan risiko yang mantap dalam sektor insurans dan takaful am. Fleksibiliti yang lebih tinggi untuk industri menentukan harga produk motor dan kebakaran akan menggalakkan persaingan, dan seterusnya memacu penambahbaikan dalam pengurusan pengunderaitan dan tuntutan bagi memberikan perkhidmatan dan nilai terbaik kepada pengguna. Selain daripada keperluan untuk penanggung insurans dan pengendali takaful meningkatkan keupayaan dan kompetensi teknikal, adalah dijangkakan usaha kerjasama yang lebih meluas merentas industri dan dalam kalangan penyedia perkhidmatan juga akan dipercepat bagi menyelaras amalan sedia ada dan meminimumkan ketirisan dan kelewatan dalam penyelesaian tuntutan. Usaha ini termasuk penubuhan Sistem Perisikan Penipuan (Fraud Intelligence System) oleh industri untuk menangani penipuan insurans, meningkatkan kemahiran pengantara untuk menaikkan lagi tahap profesionalisme dan meningkatkan standard industri pembaikan kenderaan bagi memudahkan pemprosesan tuntutan yang lebih cekap.

Gambar Rajah 2

Hasil yang Dikehendaki dalam Persekitaran Operasi Baharu



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dengan peredaran masa, kadar premium akan ditentukan dengan adil dan menjadi lebih selaras dengan risiko yang wujud, dan dengan itu membolehkan pemilik kenderaan dan harta benda yang mempunyai profil risiko yang lebih rendah dikenakan kadar premium yang lebih rendah. Mereka yang mempunyai profil risiko yang lebih tinggi juga akan digalakkan dengan sewajarnya untuk mengambil langkah mengurangkan dedahan risiko atau menambah baik profil risiko masing-masing. Hasil daripada perubahan tingkah laku terhadap risiko ini juga boleh mengurangkan kejadian kemalangan dan kecurian secara keseluruhan. Oleh itu, inflasi kos tuntutan dan kadar premium akan menjadi sederhana, dan memastikan industri lebih mampan dalam jangka panjang.

Satu lagi matlamat penting liberalisasi adalah untuk menggalakkan peningkatan inovasi produk yang responsif kepada keperluan dan keutamaan pemilik kenderaan dan harta benda yang berbeza. Ini akan merangkumi penggunaan teknologi baharu dalam pembangunan produk yang membolehkan penanggung insurans dan pengendali takaful memberi insentif supaya pengguna menerima pakai amalan yang lebih selamat, di samping memberikan tawaran nilai yang lebih baik kepada pengguna yang bertanggungjawab. Pengguna juga sewajarnya boleh mengakses produk motor dan kebakaran melalui saluran edaran pilihan masing-masing, termasuk saluran yang lebih cekap dari segi kos seperti Internet. Selain mempunyai pilihan produk yang lebih luas, pengguna juga akan mendapat manfaat tambahan daripada keupayaan untuk mempelbagaikan had perlindungan atau membeli perlindungan tambahan pilihan. Ini bagi membolehkan skop dan tahap perlindungan, serta kadar premium disesuaikan supaya berpadanan dengan profil risiko individu. Walau bagaimanapun, semasa tempoh peralihan, produk sedia ada akan terus ditawarkan bagi memberikan masa kepada pengguna untuk menilai semula dan membuat penyesuaian kepada keputusan pembelian mereka. Untuk memudahkan pengguna membuat keputusan berdasarkan maklumat yang cukup, penzahiran untuk ciri produk, had perlindungan dan kadar premium akan ditingkatkan. Pengantara juga dikehendaki memainkan peranan yang lebih besar untuk menerangkan ciri-ciri dan pilihan produk baharu serta membantu pengguna mengoptimumkan pembelian perlindungan masing-masing.

Industri berada pada kedudukan yang baik untuk beralih dengan lancar ke arah rejim yang lebih berasaskan pasaran. Usaha pengawalan dan penyeliaan yang dilaksanakan oleh Bank selama ini telah mengukuhkan daya tahan industri dengan ketara dan memupuk tadbir urus, pengurusan risiko dan amalan pasaran yang lebih baik. Khususnya, keperluan kehematan yang berkaitan dengan modal berasaskan risiko dan pengurusan risiko yang mantap dijangka mengekalkan insentif untuk amalan penentuan harga yang berterusan dan memastikan penanggung insurans dan pengendali takaful terus kukuh dari segi kewangan dalam persekitaran yang semakin kompetitif.

Fleksibiliti yang lebih tinggi dalam reka bentuk produk dan penentuan harga yang masing-masing sepadan dengan kesanggupan mengambil risiko dan modal penanggung insurans dan pengendali takaful juga akan menggalakkan penentuan harga risiko yang lebih saksama. Berserta dengan penjimatan kos hasil daripada inisiatif lain yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan kendalian, liberalisasi ini akan menyumbang ke arah memastikan kemampanan industri untuk jangka panjang.